



SMK TAMAN MOUNT AUSTIN
PBD(UJIAN SUMATIF), TAHUN 2021
BAHASA MELAYU
TINGKATAN 4
30 MINIT

NAMA : _____

TING : _____

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan dua (2) kata kerja dan dua (2) kata adjektif.

Pegawai yang terpilih menerima anugerah perkhidmaan cemerlang menjadi sumber inspirasi kepada kakitangan lain untuk memperoleh pengiktirafan yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi merupakan faktor utama yang mendorong seseorang agar ia pun dihargai dalam kerjayanya. Tanpa motivasi seseorang kurang bersemangat untuk meneruskan usaha gigih dalam bidang yang diceburinya. Sehubungan dengan itu, motivasi dapat diertikan sebagai dorongan atau desakan yang kuat bagi seseorang meraih kejayaan.

1. Dua Kata Kerja

(i) _____

(ii) _____

2. Dua Kata Adjektif

(i) _____

(ii) _____

Kenal pasti kata majmuk dalam ayat-ayat berikut.

3. Capaian maklumat menerusi peralatan teknologi mudah dikendalikan dengan menggunakan peranti mudah alih atau telefon pintar.

A. capaian maklumat

C. mudah alih

B. peralatan teknologi

D. telefon pintar

4. Selain itu, kecanggihan peranti tersebut akan mempercepat kadar celik maklumat dalam kalangan warganegara Malaysia.

A. kecanggihan peranti

C. dalam kalangan

B. bila-bila

D. celik maklumat

Kenal pasti jawapan yang betul bagi kesalahan bahasa di bawah.

5. Tiap kali menjelang musim perayaan, ratusan ribu kenderaan dan jutaan orang awam terbabit dalam pergerakan balik ke kampung daripada perantauan.

- | | |
|--------------------|---------------------------|
| A. Tiap.....dari | C. Tiap-tiap.....daripada |
| B. Setiap.....dari | D. Tiap-tiap.....daripada |

6. Pergerakan besar ini menyebabkan kesempitan yang tidak terkatakan di jalan raya.

- | | |
|---------------|--------------|
| A. kesempatan | C. kegagalan |
| B. kekacauan | D. kesesakan |

7. Bagi mengurangkan keadaan tersebut, pelbagai langkah keselamatan lalulintas dilancarkan oleh pihak berkuasa bagi menjamin keselamatan pengguna yang bergerak dalam masa hampir serentak menuju ke matlamat masing-masing.

- | | |
|-----------------------------|------------------------------|
| A. lalu lintas.....matlamat | C. lalulintas.....destinasi |
| B. lalulintas.....matlamat | D. lalu lintas.....destinasi |

8. Pemandu kenderaan pula tidak wajar hilang kewarasan bila terperangkap dalam kesesakan.

- | | |
|------------|--------------------|
| A. apabila | C. bila-bila |
| B. Bila | D. apabila-apabila |

9. Kita sukar menolak hakikat bahawa terdapat kecenderungan setengah orang mempercayai berita palsu malah menyebarkan menerusi lisan atau media sosial.

- | | |
|----------------------|--------------------|
| A. setengah-setengah | C. tengah-tengah |
| B. sesetengah | D. setengah-tengah |

10. Penularan berita yang bukan berasas itu membuatkan masyarakat semakin gusar.

- | | |
|----------------|----------------|
| B. bukan-bukan | C. tidak-tidak |
| C. bebukan | D. tidak |

Lengkapkan petikan di bawah dengan jawapan yang sesuai.

Ibu Kertala Sari (11) _____ kisah itu dari mula hingga akhir kepada anaknya. (12) _____ Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu, Kertala Sari pun sangat (13) _____, “Cis, Raja Melaka dan Laksamana mati engkau olehku! Kurang (14) _____. Negeri Melaka pun habis (15) _____. Sekiranya tidak kulakukan demikian, aku bukanlah anak (16) _____ yang berani dan handal”.

- | | |
|--------------------|-------------------|
| 11. A. mencerita | C. membentangkan |
| B. menceritakan | D. membentangi |
| 12. A. Sesudah | C. Menyudahkan |
| B.Sudahi | D. Kesudahan |
| 13. A. memarahi | C. marah |
| B.marahi | D. kemarahan |
| 14. A. berajar | C. mengajar |
| B.ajar | D. belajar |
| 15. A. kubinasakan | C. kumembinasakan |
| B.kubinasi | D. kubinasa |
| 16. A. perajurit | C. penjurit |
| B. penjuri | D.perjuran |

Pilih kenyataan yang **tidak benar**.

17. Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Antara aktiviti sukan air;

- | | |
|---------------|----------------|
| A. luncur jet | C. ping pong |
| B. bersnorkel | D. selam skuba |

18.

Menawan Samudera

Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecerdasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Antara kepentingan sukan air;

- A. meningkatkan semangat kejiranan.
- B. memiliki berat badan yang ideal.
- C. mempercepatkan adrenalina.
- D. memupuk nilai-nilai murni.

19.

Nutrien untuk Minda

Otak akan bekerja lebih lancar dan berkesan dengan bantuan vitamin.

- A. Tiamin untuk penghadaman karbohidrat.
- B. Niasin sebagai pengukuh keupayaan mental.
- C. Pirodoksин berfungsi menghasilkan ketenangan diri.
- D. Kafein untuk pertumbuhan mental serta sel-sel saraf dalam tubuh.

20.

Malaysia Membaca

Antara aktiviti yang boleh dijalankan di Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia;

- A. kempen membaca untuk pengguna tren komuter.
- B. program membaca di perumahan rakyat.
- C. pertandingan mengoyakkan kertas.
- D. kedai buku terbuka.

21.

Kerjaya di Awan Biru

Bidang penerbangan menawarkan pelbagai pilihan kerjaya. Ada yang bertugas di darat dan ada juga yang bertugas di udara. Antaranya;

- A. Juruterbang
- B. Pegawai Keselamatan
- C. Jurutera Penyelenggaraan Kapal Terbang
- D. Pengawal Trafik Udara

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Kemarahan adalah emosi manusia biasa. Kemarahan tidak boleh dibiarkan tidak terkawal kerana menjadi bebanan dalam hidup seseorang kelak. (22) Apabila perasaan marah itu dipendam sudah tentu akan memakan diri sendiri secara perlahan-lahan. Untuk memadamkan api kemarahan, (23) kita hendaklah sentiasa ingat bahawa setiap orang tidak akan terlepas daripada melakukan kesilapan. Kita perlu berlapang dada menghadapi situasi yang mencetuskan api kemarahan. Selain itu, belajarliah untuk memaafkan kesalahan orang kerana kita tidak rugi apa-apa jika sanggup memaafkan orang. (24) Biarlah apa-apa yang tidak baik itu berlalu dan kenanglah hal yang baik-baik sahaja.

Bumi mana yang tidak ditimpa hujan?

Buang yang keruh ambil yang jernih

Api dalam sekam

22. _____

23. _____

24. _____

Pilih peribahasa yang sesuai mengikut maksudnya.

25. Ada sesuatu yang tersembunyi di sebalik sesuatu perbuatan atau perkataan.

A. Ada semut, ada gula.

C. Ada udang di balik batu.

B. Bagai aur dengan tebing.

D. Bagai isi dengan kuku.

26. Orang yang rajin bekerja banyak mendapat rezeki.

A. Menangguk di air keruh.

C. Bagai cincin dengan permata.

B. Sudah terhantuk baru tengadah.

D. Ringan tulang, berat perut.

27. Apabila memberi nasihat atau ajaran, tidak dapat meresap ke dalam hati.

A. Bagai mencurah air ke daun keladi.

C. Sakit hati.

B. Bagai isi dengan kuku.

D. Pening lalat.

Pilih peribahasa yang sesuai dengan situasinya.

28. Perokok tegar dengan angkuhnya menyatakan bahawa sekadar merokok tidak menjejaskan kesihatan mereka. Oleh hal yang demikian, mereka tidak menghiraukan nasihat nasihat yang disampaikan oleh Kementerian Kesihatan tentang bahaya menghisap rokok.

- | | |
|--|---------------------------------------|
| A. Bagai anjing dengan kucing. | C. Seperti durian menunjukkan pangsa. |
| B. Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. | D. Sudah jatuh ditimpa tangga. |

29. Mereka berasa bangga apabila meroko dan menunjukkan gelagat mereka seolah-olah gaya dan kehebatan mereka tidak tertanding oleh orang lain.

- | | |
|--|---------------------------------------|
| A. Bagai anjing dengan kucing. | C. Seperti durian menunjukkan pangsa. |
| B. Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. | D. Sudah jatuh ditimpa tangga. |

30. Golongan yang dilambung keegoan begini tentu sekali akan berhadapan dengan masalah apabila disapa oleh penyakit kronik dan terpaksa berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

- | | |
|--|---------------------------------------|
| A. Bagai anjing dengan kucing. | C. Seperti durian menunjukkan pangsa. |
| B. Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. | D. Sudah jatuh ditimpa tangga. |

-----SOALAN TAMAT-----